

Fairuz Zaidan →

fairuzaidan@bh.com.my



Warna rambut idaman

» **L'Oreal Paris Excellence Fashion** aspirasi rona rambut terkini di pasaran

Mewarnakan rambut bukanlah suatu perkara baru terutama dalam persekitaran serba moden yang berpaksikan nuansa fesyen semasa. Idea mewarnakan rambut juga dilihat sebagai jalan pantas untuk menyuntik perubahan pantas pada penampilan sebagaimana fesyen mampu mempengaruhi keperibadian.

Membawa perubahan sama, L'Oreal Paris turut memperkenalkan pilihan pewarna rambut terbaru sekali gus bertindak secara semula jadi untuk memberi elemen kilauan, lembapan serta penjagaan struktur rambut.

L'Oreal Paris Excellence Fashion didatangkan dalam lima pilihan warna istimewa termasuklah coklat perang keemasan, merah terang, merah tembaga, perang lembayung dan perang tembaga.

Pengurus Kumpulan Produk L'Oreal Paris, Melissa Wee, berkata inovasi terbaru dipelopori jenama terkenal itu turut sama menitikberatkan aspek pemuliharaan rambut khususnya bagi mengelak persepsi pewarna merosakkan kelembapan asli rambut.

"Selain solekan, rambut juga memainkan peranan penting dalam penampilan seseorang. Selain potongan, aliran mewarnakan rambut menjadi pilihan ramai.

"Menerusi produk L'Oreal Paris Excellence Fashion ini

pengguna kami bebas untuk memilih gaya dan warna sesuai untuk personaliti mereka," katanya sempena pelancaran produk pewarna terbaru itu di Damansara, Petaling Jaya, di Selangor, baru-baru ini.

Idea warna

Bersempena dengan pelancaran itu juga, pandangan rambut terkenal tanah air, Chez Hamdan, menunjukkan kemahiran dalam memamer idea mewarnakan rambut terbaru menggunakan produk L'Oreal Paris Excellence Fashion.

Selain mengilhamkan lima gaya memukau, pandangan rambut terkenal turut mengilhamkan elemen futuristik iaitu *urban chic*, *edgy rock* dan *sultry vixen* kepada tiga model menggunakan produk Excellence Fashion.

"Produk ini mudah digunakan dan kesannya menyerlah walaupun hanya dilakukan sendiri di rumah. Warna terang, memikat sesuai untuk wanita moden masa kini," kata Chez yang turut bermain dengan kreativiti apabila mencampurkan dua warna berbeza menjadi sentuhan warna yang benar-benar menyerlah.

Kilauan memukau

Bagi memberi kesan lebih dramatik dan kilauan rambut menawan, pengguna juga digalakkan untuk menyapu minyak L'Oreal Extraordinary yang bertin-



dak memberi kilauan dan lembapan pada rambut.

Mudah digunakan, pengguna perlu menyapukan saja minyak Extraordinary. Minyak ini berupaya melindungi rambut daripada kesan sinaran matahari serta mengekalkan alunan rambut.

L'Oreal Paris Excellence Fashion kini berada di pasaran dengan harga RM34.90, manakala minyak Extraordinary pula berharga RM39.90 untuk 100 milliliter.

Inspirasi komik Marvel

Berita baik buat penggemar siri animasi komik Marvel, jenama pakaian kasual terkemuka Chargers Outfitters, baru-baru ini melancarkan koleksi pakaian istimewa 'Avengers Assemble' yang mengangkat ikon terkenal dalam siri komik terkenal berkenaan.

Koleksi yang dilancarkan bersempena dengan tayangan filem blockbuster *Thor 2* itu menampilkan beberapa rekaan berupa kemeja-T berkolar bulat, kemeja polo, kemeja lengan panjang, seluar pendek dan jaket dengan cetakan grafik yang menampilkan

watak adi wira terkenal.

Thor yang menjadi salah satu ikon terkenal dalam Avengers Assemble termasuklah watak lain dalam siri animasi terkenal seperti Hulk, Iron Man dan Captain America menjadi salah satu daripada rangkaian koleksi terhangat musim ini.


Kemasan terkini

Memastikan setiap rekaan memenuhi keinginan generasi muda, Chargers Outfitters turut menitikberatkan dalam aspek pembuatan serta rekaan yang mampu

diterima peminat fesyen di pasaran.

Lantas, menerusi koleksi istimewa Avengers Assemble dari Chargers Outfitters ia ditampilkan dengan penuh grafik, cetakan dengan rona warna terang serta perincian yang memberi impak buat pemakainya.

Koleksi istimewa dari Chargers Outfitters itu boleh didapati di semua gedung utama seperti Parkson dan Outfitters Studio. Harga bagi setiap edisi terhad itu bermula dari RM49 hingga RM79. Untuk maklumat lanjut, layari www.facebook.com/ChargersOutfitters.



Sentuhan peribadi Esprit

Yang mana satu pilihan hati, sama ada tali jam kulit mahupun tali jam logam, ternyata rekaan terbaru yang ditonjolkan oleh Esprit memberi pengaruh peribadi kepada pemakainya.

Koleksi istimewa Krismas yang didatangkan dalam kotak khas itu tentunya hadiah paling bermakna andai ingin diberikan buat tersayang. Didatangkan dalam tiga versi rekaan penuh sentuhan peribadi, pilihan terletak pada cita rasa sendiri sama ada rona perak dengan tali putih, emas kuning bersalut tali coklat mahupun emas bunga mawar bersalut tali kelabu.

Menariknya, setiap rekaan itu turut memuatkan satu tali jam

tambahan untuk memberi pilihan buat pemakai memenuhi cita rasa mereka.

Elemen klasik

Menyentuh mengenai reka bentuk dalaman bagi permukaan jam, Esprit nyata memberi sedikit sentuhan elemen klasik bagi ketiga-tiga model di mana setiap satunya mempunyai gaya yang eksklusif.

Tidak berlebihan dari segi rekaan, seni buatan

terutama sentuhan elemen khusus seperti petunjuk hari bulan yang dimuatkan dalam jam tangan terbaru itu benar-benar bermanfaat. Sesuai dijadikan hadiah istimewa, koleksi terbaru Esprit yang dipasarkan oleh Adtime di jual pada harga RM499.

